

# PM mahu ahli politik perjuangkan Malaysia sebagai negara maju

KUALA LUMPUR 8 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua ahli politik dan pemimpin Barisan Nasional (BN) terus memperjuangkan kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang bersatu padu sekalipun ketika beliau sudah tiada lagi di dunia.

Perdana Menteri yang menerima ikrar daripada wakil rakyat BN untuk bekerja keras memajukan dan mempertahankan bangsa dan negara pada malam ini menegaskan, ikrar yang mereka lafazkan itu mesti diteruskan sampai bila-bila.

"Saya harap ikrar itu ialah ikrar yang bermakna kalau 67 ini (beliau) tidak ada, kita akan teruskan perjuangan ini," ujarnya.

Beliau berkata, suatu masa dahulu Malaysia pernah diejek oleh pelbagai pihak di Barat kerana dasar ekonomi yang dijalankan serta akibat tekanan politik dan sosial yang dialaminya terutama selepas tahun 1969.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) kita diejek-ejek, Dasar Pandang ke Timur kita ditertawakan oleh mereka," kata beliau ketika berucap pada Malam Mesra Perdana di sini malam ini.

Tetapi hari ini orang barat telah mengikut apa kita buat, mereka sekarang mula pandang ke timur hari ini kita telah dapat buktikan bahawa negara kita telah berjaya," kata Dr. Mahathir kepada kira-kira 1,000 orang hadirin pada majlis itu.

Pada majlis itu, Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Encik Shahidan Kassim telah menyampaikan kepada Dr. Mahathir suatu dokumen yang dinamakan Deklarasi Rakyat. Dokumen ini yang turut dilafazkan, ditandatangani oleh semua wakil rakyat BN di seluruh negara tanda sokongan padu mereka pada kepimpinan Perdana Menteri.

Antara lain, deklarasi itu menyatakan bahawa wakil rakyat BN tidak akan mengecewakan wawasan besar Perdana Menteri dan tidak akan mengkhianati aspirasi perjuangan beliau.

Ghafar yang berucap sebelum itu telah menegaskan, beliau akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan mahukan Dr. Mahathir terus memimpin negara.

"Selagi beliau sihat dan mahu memimpin kita, selagi itulah kita akan memberi sokongan kepada

Dr. Mahathir," kata Ghafar yang disambut dengan tepukan gemuruh.

Menurut Dr. Mahathir, negara mencapai keamanan dan kemajuan adalah kerana terdapat kesetiaan di dalam komponen Barisan Nasional, daripada Timbalan Perdana Menteri hinggalah kepada wakil rakyat biasa.

"Tetapi kesetiaan ini bukan sebelah pihak sahaja," katanya, "saya juga mesti mempunyai kesetiaan yang sama."

Dr. Mahathir mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang ditunjukkan oleh Ghafar dan wakil-wakil rakyat BN.